



## **UCAPAN**

**KETUA SETIAUSAHA  
PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL  
EHWAL PENGGUNA (KPDNHEP)**

**JELAJAH FRANCAIS MIKRO DAN MAMPU  
MILIK (F3M) PERINGKAT ZON TENGAH  
PUTRAJAYA**

**TARIKH :12 OKTOBER 2022 (RABU)**

**TEMPAT :HOTEL MARRIOTT PUTRAJAYA**

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,

Terima kasih kepada saudara pengerusi majlis,

**Yang Berbahagia Datuk Roziah binti Abudin**

Timbalan Ketua Setiausaha, Pembangunan Perdagangan  
Dalam Negeri, KPDNHEP

**Yang Berbahagia Datuk Dr. Radzali Hassan**

Pengerusi, Persatuan Francais Malaysia (MFA)

**Yang Berusaha Encik Muhd Fairuz bin Abdul Halim**

Pengarah Bahagian Pembangunan Francais dan Jualan  
Langsung, KPDNHEP

**Yang Berusaha Puan Rozalinawati binti Che Roslee**

Timbalan Pengarah (Sektoral)

Bahagian Industri Perkhidmatan

Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri

**Yang Berusaha Encik Nor Hafezul bin Shafie**

Ketua Penolong Pengarah

Pejabat Belanjawan Negara

Kementerian Kewangan Malaysia

## **Yang Berusaha Puan Najdiah binti Ismail**

Timbalan Setiausaha

Bahagian Pembangunan Francais dan Vendor

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi

Pegawai-pegawai kanan Kerajaan.

YBhg. Datuk / Datin / Tuan / Puan yang saya hormati sekalian.

1. Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini memanjatkan kesyukuran kepada Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan perlindungan-Nya, kita dapat berhimpun hari ini di Hotel Marriott Putrajaya dalam Program Jelajah Francais Mikro dan Mampu Milik (Jelajah F3M) Peringkat Zon Tengah Putrajaya.
2. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada pihak Bahagian Pembangunan Francais dan Jualan Langsung (BPFJL) dan Persatuan Francais Malaysia (MFA) di atas kejayaan menganjurkan program ini.

3. Saya difahamkan, sebanyak dua belas (12) siri jelajah F3M telah dianjurkan sepanjang tahun dengan penyertaan lebih 1,000 peserta dari seluruh negara. Program ini diwujudkan untuk memberikan pendedahan mengenai Program Pembangunan Francais Mikro dan Francais Mampu Milik serta memberikan inspirasi berkaitan peluang perniagaan francais kepada masyarakat umum. Adalah diharapkan program ini dapat menarik lebih banyak pihak untuk terlibat dan menceburi bidang francais pada masa akan datang.

**YBhg. Datuk / Datin / Tuan / Puan,**

4. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) selaku peneraju sektor perdagangan pengedaran di peringkat nasional sentiasa memberi penekanan kepada usaha memperluaskan pembabitan rakyat dalam arus pembangunan ekonomi.
5. KPDNHEP sebagai peneraju pembangunan industri francais di negara ini telah melaksanakan program-program pembangunan dalam negara bagi mempromosikan francais kepada rakyat termasuk perlaksanaan Program Pembangunan Francais Mikro dan

Francais Mampu Milik ini. Program ini adalah salah satu program utama dalam usaha menarik penglibatan lebih ramai rakyat, khususnya golongan B40 dan M40 untuk menceburi bidang perniagaan francais.

6. Secara umumnya, di bawah pelaksanaan program ini, KPDNHEP julung kalinya telah mewujudkan inisiatif pemberian Geran Penuh dan Geran Padanan bagi tujuan memperluaskan pertumbuhan perniagaan francais berskala mikro dan mampu milik dalam negara seterusnya mewujudkan peluang perniagaan kepada rakyat.
7. Di bawah pelaksanaan inisiatif pemberian Geran Penuh, KPDNHEP berhasrat agar pihak francaisor akan dapat membangunkan lebih banyak pakej permulaan perniagaan francais mampu milik bernilai RM100 ribu dan ke bawah serta pakej francais mikro bernilai RM50 ribu dan ke bawah.
8. Selain itu, KPDNHEP komited agar pemberian Geran Padanan akan mampu menambahkan bilangan penggiat francais daripada golongan B40 dan M40 untuk menjadi

francaisi bagi menjalankan perniagaan francais berskala mikro atau mampu milik.

9. Geran Padanan ini bertujuan untuk mengurangkan kos permulaan perniagaan francais yang perlu ditanggung oleh bakal francaisi B40 dan M40 di mana kadar pembiayaan yang ditawarkan adalah sebanyak 90% kepada francaisi yang berpotensi.
10. Proses pelaksanaannya telah berjalan sejak tahun lalu dengan penglibatan pihak termasuk KPDNHEP dan MFA. Hasilnya, KPDNHEP telah memperaku dan meluluskan 41 penerima geran yang terdiri daripada 19 penerima Geran Penuh dan 33 penerima Geran Padanan.
11. Geran telah disampaikan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato Sri Alexander Nanta Linggi pada Disember 2021 lalu. Bahkan, pada hari ini juga kita akan menyaksikan penyampaian geran kepada 11 penerima Geran Penuh yang baharu dan telah diluluskan oleh KPDNHEP.

12. Besar harapan KPDNHEP agar program ini dapat diteruskan dan melahirkan lebih ramai penggiat francais yang berdaya saing pada masa akan datang.

**Hadirin yang dikasihi sekalian,**

13. Pihak KPDNHEP akan meneruskan usahanya dalam memperkasakan industri francais ke arah merealisasikan hasrat Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai Hub Francais di Rantau Asia Tenggara.
14. Suka untuk saya mengambil kesempatan ini bagi menyeru semua peniaga dan bakal peniaga untuk memanfaatkan apa sahaja peluang dan insentif yang disediakan oleh pihak Kerajaan bagi membantu menyokong perkembangan perniagaan anda dan ingat, Nak Berniaga? Pilih Francais!
15. Akhir kata, saya berharap program seperti ini dapat diteruskan lagi penganjurannya pada masa akan datang dan saya mendoakan agar semua peserta yang hadir pada hari ini dapat memulakan perniagaan francais pilihan anda atau dapat memberi inspirasi untuk

mentransformasikan perniagaan sedia ada kepada francais. Bersama kita majukan industri francais negara.

16. Dengan lafaz **BISMILLAH HIRRAHMAN NIRRAHIM** saya dengan ini, merasmikan Program Jelajah Francais Mikro dan Mampu Milik Zon Tengah Putrajaya serta Majlis Penyempurnaan Program F3M.

Sekian, salam hormat dan terima kasih.